

Lebih 20 acara sempena Pesta Tamu Gadang UMSKAL

BH 6.11.2015 8

Labuan: Lebih 20 acara menarik menanti pengunjung Pesta Tamu Gadang Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) Ke-17 dengan kerjasama RTM Labuan pada 13 hingga 15 November ini.

Antaranya, ceramah agama oleh penceramah bebas, Ustaz Haslin Baharim, persembahan penyanyi Nash Lefthanded dan Mus May, UMSKAL Cyber Games Challenge, paluan kompang formasi, bengkel tari Melayu, memancing pesisir pantai, senam tari 1Malaysia, Clash of Bands dan Inspirasi Usahawan.

Turut diadakan Catlover's Fiesta, UMS Cooking Battle, peraduan mewarna, pameran Big Bike, sukaneka serta persembahan Wan Rull Magic Puppet selain beberapa acara lain untuk pelbagai golongan termasuk kanak-kanak.

Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Mur-nizam Halik, berkata semua acara berbentuk pertandingan menawarkan hadiah lumayan wang tunai termasuk RM3,000 untuk juara tarik tali, cooking battle (RM1,000), futsal terbuka lelaki (RM2,000), bola tampar pantai lelaki / wanita (RM1,500), memancing pesisir pantai (RM1,000) dan Dota (RM1,000).

"Saya bagi pihak penganjur mengajak orang ramai sama ada dari dalam mahupun luar Labuan menyertai pelbagai aktiviti diadakan sekali gus memeriahkan Pesta Tamu Gadang UMSKAL - RTM Labuan 2015," katanya di sini, semalam.

Majlis perasmian penutupan program itu dijadual disempurnakan oleh Ahli Parlimen Labuan, Datuk Rozman Isli. Orang ramai boleh menghubungi talian 087-460409 dan 466775 untuk maklumat.